

<b>KOSMO</b>
Tarikh: 18/11/2011
Hari: JUMAAT M/S: 2
Ruangan: NEGARA

## Sistem kapitalis sukarkan AS langcai hutang

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHAMED NOR  
luqman.ridhwan@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** - Sistem kapitalis yang dipraktikkan di Amerika Syarikat (AS) menjadi penghalang terbesar kepada negara itu untuk melangsaikan hutang sebanyak AS\$15 trilion (RM47.89 trilion) yang sedang ditanggung negara itu.

Profesor Pelawat Fakulti Ekonomi Universiti Utara Malaysia, Prof. Amir Hussin Baharuddin berkata, selagi dasar ekonomi yang diamalkan itu tidak diubah, negara *Uncle Sam* itu akan sentiasa dibebani hutang.

"Apa yang menjadi masalah dengan sistem kapitalis ialah mereka gemar berhutang dalam apa jua transaksi yang dilakukan demi keuntungan sekelip mata.

"Jadi, selagi sistem itu sendiri tidak diubah, maka menjelaskan hutang adalah sesuatu yang kita boleh anggap sebagai mimpi kosong sahaja," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Amir Hussin memberitahu, hutang itu turut menyebabkan nilai mata wang AS susut dan menjejaskan negara yang bergantung kepada kekukuhan mata wang dolar AS.

"Sudah tentu negara-negara seperti Jepun, China, India dan negara-negara Eropah yang bergantung kepada dolar AS akan merasa kesannya jika mata wang itu susut nilainya.

"Susutnya nilai mata wang itu bermakna pelaburan negara berkenaan menggunakan dolar AS akan berkurangan dan ia merugikan mereka," ujarinya.

Dalam pada itu, Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia, Azrul Azwar Ahmad Tajudin berkata, hutang tersebut akan memaksa AS untuk mengurangkan perbelanjaan negaranya secara drastik pada masa depan.

Jika ia berlaku, antara yang bakal menjadi mangsa kepada tindakan tersebut ialah negara-negara yang mengeksport produk negara mereka ke AS.

"Syarikat-syarikat yang kekurangan permintaan ini tidak akan menjana pendapatan sebanyak yang diperoleh ketika mereka masih mengeksport produk ke AS.

"Juga tidak mustahil pekerja-pekerja syarikat tersebut akan dihentikan majikan masing-masing akibat kerugian yang ditanggung," ujarinya.